



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK

EDARAN DALAMAN 4 : KEMASUKAN SEMULA PELAJAR KE KAMPUS SECARA FIZIKAL BERMULA 1 MAC 2021 DI UPMKB

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

1. Melalui kenyataan media KPT terbaharu pada 31 Januari 2021, pihak MKN telah bersetuju untuk membenarkan enam (6) kategori **pelajar berkeperluan** kembali ke kampus secara fizikal seawal 1 Mac 2021 bagi mengikuti PdP secara hibrid iaitu secara fizikal dan secara dalam talian. Enam kategori pelajar yang dibenarkan pulang ke kampus seawal 1 Mac 2021 adalah seperti berikut:

- i. Pelajar dari program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latih amal, studio, bengkel dan peralatan khas;
- ii. Pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian;
- iii. Pelajar Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;
- iv. Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali dari United Kingdom;
- v. Pelajar Berkeperluan Khas (OKU); dan
- vi. Pelajar yang menduduki peperiksaan Malaysia University EnglishTest (MUET), antarabangsa dan badan profesional.

2. Pelaksanaan PdP secara hibrid di dalam kampus boleh dijalankan dengan mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) dan mengutamakan keselamatan serta kebajikan pelajar. Pelajar yang tidak termasuk dalam kategori pelajar berkeperluan pula dan sedia ada akan meneruskan PdP secara dalam talian. Sehubungan itu, pihak universiti melalui Mesyuarat Senat UPM kali Ke-686 pada 11 Februari 2021, turun mengunapakai kaedah ini bagi kemasukan pelajar semula ke kampus.

3. **Oleh itu, UPMKB menetapkan kaedah PdP dan kemasukan pelajar ke UPMKB adalah seperti berikut;**

- i. Pelaksanaan PdP masih dijalankan secara hibrid (fizikal & dalam talian) bagi semua program pengajian sehingga diberitahu kelak dari masa ke semasa.
- ii. Pelajar dibenarkan kembali ke kampus UPMKB bermula 1 Mac 2021 untuk program Diploma dan 22 Mac 2021 bagi program Bachelar dengan memenuhi enam(6) kategori ditetapkan oleh KPT.
- iii. Pelajar yang bukan dalam enam(6) kategori berkeperluan namun ingin kembali ke kampus UPMKB hendaklah mendapatkan surat sokongan dari fakulti dan memajukan permohonan ke Kolej Sri Rajang jika memerlukan penginapan asrama.

- iv. Semua pelajar adalah diminta untuk mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia serta semua peraturan lain yang ditetapkan oleh UPM dari semasa ke semasa.

Kemasukan ke Sarawak :

4. Pelajar berkeperluan dari Semenanjung yang akan pulang ke kampus IPT di negeri Sabah dan Sarawak **diwajibkan untuk menjalani Ujian Swab yang akan dibiayai oleh KKM**. Bagi pelajar yang tiba di Sarawak, mereka **diwajibkan untuk menjalani kuarantin selama 14 hari sebelum dibenarkan pulang ke kampus. Kos makan minum dan kuarantin mulai 1 Mac 2021 akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak**.

5. Semoga dengan adanya pemakluman ini dapat membantu pelajar merancang pergerakan untuk mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kampus dengan pematuhan sepenuhnya SOP dan pihak universiti akan sentiasa berusaha memastikan kebajikan pelajar diutamakan.

Sekian, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"



PROF. MADYA DR. SHAHRUL RAZID SARBINI

Pengarah

Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak

18 Februari 2021